



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**04 Ramadhan 1441 / 28 April 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa , 04 Ramadhan 1441H bersamaan 28 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, Ini bermakna **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 124 orang** dan jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kekal kepada **13 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **66 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,509 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 114 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,263 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** telah disahkan positif semula, manakala **satu kes telah dibenarkan pulang** pada hari ini. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini kekal seramai 21 orang di mana **7 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita semua dirahmati  
di bulan Ramadhan yang mulia ini.**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 04 Ramadhan 1441H / 28 April 2020